

## **TRADISI MEMBANGUN RUMAH MASYARAKAT MELAYU BRUNEI DI KAMPUNG AIR SARAWAK: KAJIAN KES DI LIMBANG**

*Amaluddin Bakeri  
Mohammad Raduan Mohd. Ariff*

### **PENGENALAN**

Di daerah Limbang, Sarawak, kebanyakan masyarakat Melayu Brunei tinggal di petempatan kampung air. Suku kaum Melayu Brunei mendominasi kawasan petempatan kampung air di tebing Sungai Limbang dan pesisir pantai Teluk Brunei sejak keagungan pemerintahan Kesultanan Brunei lagi. Rumah-rumah suku kaum Melayu Brunei ini dibina menghadap sungai atau laut. Ketika air pasang tiang-tiang rumah akan ditenggelami air dan rumah kelihatan berada di atas permukaan air.

Pembinaan rumah suku kaum Melayu Brunei di kampung air khususnya rumah tradisi mempunyai adat dan kepercayaannya yang tersendiri. Bagi masyarakat Melayu Brunei, membina rumah mengikut adat dan kepercayaan akan menentukan kekuahan rumah dan kesejahteraan penghuninya. Adat dan kepercayaan dalam membina rumah juga akan mempengaruhi cara pembinaan sesebuah rumah itu dilakukan.

Artikel ini akan membincangkan secara terperinci tentang tradisi masyarakat Melayu Brunei di petempatan kampung air daerah Limbang, Sarawak dalam hal membina rumah. Penulisan ini terlebih dahulu akan menghuraikan tentang perkara-perkara yang dilakukan di peringkat awal pembinaan sesebuah rumah iaitu mencari tapak rumah, menentukan bulan dan menetapkan hari serta waktu yang sesuai untuk mendirikan rumah. Perbincangan seterusnya akan memberi tumpuan kepada tradisi bergotong-royong ketika membangunkan tiang dan kerangka rumah. Selain itu, penulisan ini juga akan mengupas perkara-perkara yang berhubung adat dan kepercayaan ketika memasang tangga, tingkap dan pintu rumah. Di bahagian akhir perbincangan ini akan menghuraikan tentang adat dan kepercayaan masyarakat Melayu Brunei ketika berpindah ke rumah baru.

### **MEMILIH TAPAK RUMAH**

Suku kaum Melayu Brunei yang mendiami petempatan kampung-kampung air di daerah Limbang, Sarawak mempunyai cara-cara tertentu dalam memilih tapak yang sesuai untuk membina rumah. Kawasan tapak rumah yang dikenalpasti lazimnya diperiksa dan dikaji dengan teliti terlebih dahulu dari segi lokasi, keluasan dan paras air pasang serta surut. Perkara ini dilakukan dengan tujuan untuk mengelakkan rumah baru yang dibina daripada mengalami kerosakan terlalu awal akibat

ketidaksesuaian kawasan tapak rumah yang dipilih. Umpamanya, membina rumah di kawasan yang agak jauh dari tebing sungai dan mempunyai dasar berkedalaman lebih enam kaki boleh mengakibatkan rumah yang dibina condong dalam masa beberapa tahun selepas pembinaannya.<sup>1</sup> Di kawasan yang sedemikian biasanya arus sungai lebih deras dan ia boleh mendatangkan bahanaya kepada rumah dan penghuninya.<sup>2</sup>

Untuk memilih tapak rumah yang baik, bakal tuan rumah terlebih dahulu mendapatkan pandangan dan nasihat orang-orang tua serta saudara-mara yang berpengalaman. Pandangan dan nasihat daripada golongan tersebut sangat dipentingkan bagi memastikan pemilihan kawasan tapak rumah yang dibuat adalah bersesuaian dengan masa pasang surut air;<sup>3</sup> tidak melanggar adat dan pantang larang; dan yang lebih penting berdekatan dengan rumah kedua ibu bapa.<sup>4</sup> Dalam masyarakat Melayu Brunei, tapak rumah yang menepati ciri-ciri di atas sangat dipentingkan kerana tapak tersebut akan diwarisi oleh anak cucu mereka.<sup>5</sup>

Orang-orang Melayu Brunei di kampung air kebiasaannya memilih kawasan yang lapang di tebing sungai utama untuk dijadikan tapak rumah. Kawasan tebing sungai yang dipilih mempunyai paras air pasang tidak melebihi enam kaki. Tapak rumah tersebut juga tidak berhadapan dengan kawasan lembah di antara dua buah bukit. Ini kerana, menurut kepercayaan orang-orang Melayu Brunei, kawasan berkenaan dipercayai menjadi tempat laluan jin dan orang halus. Jika rumah didirikan di kawasan tersebut, ia akan menjadi penghalang kepada laluan berkenaan. Ini menyebabkan tuan rumah seringkali diganggu jin atau orang halus dan mudah mendapat sakit.<sup>6</sup>

Sebaik sahaja kawasan tapak rumah yang menepati ciri-ciri yang dikehendaki ditemui, ia akan ditandakan dengan ‘pancang’. Pancang digunakan untuk tujuan memberitahu orang ramai bahawa kawasan tapak rumah tersebut telah ada pemiliknya. Pancang dipacak di setiap penjuru kawasan yang telah dipilih. Bilangan pancang yang digunakan adalah sebanyak 12 hingga 16 batang. Kebiasaannya pancang terdiri daripada kayu bakau atau pucuk daun nipah yang berukuran kira-kira 12 kaki panjang.<sup>7</sup> Ukuran panjang sedemikian diperlukan supaya pancang tersebut sentiasa kelihatan walaupun pada masa air sungai pasang.

Perlu dijelaskan, untuk membina rumah baru di sebuah kampung air, bakal tuan rumah perlu membuat permohonan bertulis terlebih dahulu kepada Ketua Kampung. Dalam surat permohonan tersebut perlu menyatakan persetujuan bakal jiran tetangga terdekat di kampung air berkenaan. Ini bertujuan untuk membuktikan bahawa bakal jiran tetangga tersebut telah memberi keizinan kepada pemohon untuk mendirikan rumah baru di kawasan berhampiran rumah mereka. Jiran tetangga yang telah bersetuju kemudiannya hendaklah menurunkan tandatangan mereka pada surat rasmi pemohon untuk diajukan kepada Ketua Kampung.

Peraturan sedemikian telah dilaksanakan semenjak pertengahan tahun 1980an iaitu kepada penduduk yang hendak membina rumah baru di kampung air. Ia diadakan supaya apa-apa masalah yang melibatkan hubungan jiran tetangga tidak timbul sebaik sahaja orang baru mendirikan rumah di kampung air berkenaan.<sup>8</sup> Konsep keizinan

jiran tetangga menyebabkan rumah-rumah yang dibina di kampung air adalah berkelompok mengikut kaum keluarga.

Sebenarnya peraturan sedemikian telah pun digunakan lebih awal oleh orang-orang Melayu Brunei di Kampong Ayer Brunei Darussalam (KABD). Di bawah Pekeliling No.5/1982 yang ditetapkan oleh Pejabat Daerah Brunei Muara, pembinaan rumah di KABD perlu mematuhi tujuh peraturan penting yang digariskan dalam pekeliling tersebut termasuklah konsep keizinan di atas.<sup>9</sup> Peraturan berkenaan dikeluarkan sebagai langkah untuk mengawal pembinaan rumah-rumah di KABD supaya tidak menjadi terlalu padat dan sesak.<sup>10</sup>

Oleh kerana orang-orang Melayu Brunei di kampung air daerah Limbang mempunyai hubungan persaudaraan dengan orang-orang Melayu Brunei di KABD, idea peraturan tersebut telah diimplimenterkan di Limbang. Ini kerana orang-orang Melayu Brunei di kampung air daerah Limbang sering berkongsi idea, pandangan, nasihat dan tunjuk ajar dalam hal pembinaan rumah dengan saudara-mara mereka yang tinggal di KABD.

## MENENTUKAN BULAN UNTUK MEMBANGUN RUMAH

Proses menentukan bulan dilakukan untuk memilih bulan yang paling baik bagi mendirikan tiang-tiang rumah. Menurut kepercayaan orang-orang Melayu Brunei, mendirikan tiang-tiang rumah pada bulan yang baik akan memberikan keberkatan kepada rumah baru yang dibina. Selain itu, ia juga dilakukan dengan tujuan untuk menghindarkan keluarga tuan rumah daripada ditimpah bala atau bencana.

Menurut Alimin Abdul Hamid, orang-orang Melayu Brunei tidak mendirikan rumah pada bulan-bulan tertentu yang dianggap kurang baik:

*“Di antara bulan yang dianggap tidak digalakkan membangun rumah ialah bulan Muharam dan Safar. Sepanjang bulan Muharam dianggap tidak begitu sempurna jika melakukan sesuatu pekerjaan. Mengikut orang tua-tua bulan Muharam adalah bulan raja. Manakala pada satu hingga lapan Safar dianggap baik dan selepas lapan Safar hingga ‘ke pelikuran’ (hujung bulan) adalah dianggap bulan ‘nas’.”<sup>11</sup>*

Bagi menentukan bulan-bulan baik, khidmat nasihat orang-orang tua dan saudara-mara yang berpengalaman sekali lagi diperlukan. Secara umumnya orang-orang tua atau saudara-mara yang berpengalaman dalam hal ehwal pembinaan rumah, akan menentukan bulan-bulan baik dengan berpandukan ilmu dan petua-petua yang terkandung di dalam **Kitab Tajul Muluk**. Menurut beberapa penduduk kampung air di daerah Limbang, amalan tersebut sebenarnya lebih mahir dilakukan oleh orang-orang Melayu Brunei yang tinggal di KABD.<sup>12</sup> Malah kebanyakan ilmu dan petua membina rumah yang diperaktikkan oleh orang-orang Melayu Brunei di

daerah Limbang pada hari ini sebenarnya banyak yang dipelajari dan diwarisi daripada kaum keluarga mereka di KABD.

Mengikut **Kitab Tajul Muluk**, bulan-bulan baik atau sebaliknya untuk membangunkan rumah adalah sebagaimana yang dijelaskan di bawah:

*"Bermula jika mendirikan rumah pada bulan Muharam itu jadi huru-hara atau penyakit ampunya rumah itu, dan barang siapa mendirikan rumah bulan Safar nescaya banyak beroleh harta atau ilmu yang ampunya rumah itu, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Rabi'ul Awal nescaya beroleh kematian atau rugi harta, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Rabi'ul Akhir nescaya beroleh kesukaran atau keras kesakitan, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Jamadil Awal nescaya beroleh harta dan hamba, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Jamadil Akhir nescaya beroleh penyakit atau papa, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Rejab nescaya beroleh kelahi bantah atau kesakitan, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Sya'ban nescaya beroleh kemuliaan dunia dan akhirat, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Ramadhan nescaya beroleh harta atau ilmu, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Syawal nescaya beroleh kesakitan atau tertawan dengan api rumah itu, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Zulkaedah nescaya beroleh hamba sahya atau harta atau ilmu dan sahabat, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Zulhijjah nescaya beroleh yang ampunya rumah itu anugerah Allah emas dan perak dan segala binatang yang halal seperti kerbau dan lembu, kambing dan biri-biri dan beras dan padi dan hamba sekalipun."*<sup>13</sup>

Berdasarkan panduan daripada **Kitab Tajul Muluk** di atas, orang-orang Melayu Brunei di kampung air memilih untuk mendirikan rumah di dalam bulan-bulan yang mendatangkan kebaikan. Sama ada dalam bulan Safar, Jamadil Awal, Sya'ban, Ramadhan, Zulkaedah dan Zulhijjah.

Pemilihan bulan-bulan baik bagi masyarakat Melayu Brunei di atas untuk mendirikan rumah dikuatkan lagi dengan kenyataan Ismail Ibrahim:

*"Waktu bermulanya bagi mendirikan tiang yang pertama ini akan dirujuk kepada haribulan Melayu dalam tahun Hijrah seperti di dalam bulan Safah [sis.], bulan Jamadil Awal, bulan Syaaban, bulan Ramadhan, bulan Dzulkeadah [sis.] dan bulan Dzulhijjah."*<sup>14</sup>

Masyarakat Melayu Brunei memulakan kerja-kerja membangun rumah dalam bulan yang dianggap lebih baik dengan tujuan memperoleh kesempurnaan kerja dan keberkatan Allah s.w.t. Dipercayai jika kerja-kerja mendirikan rumah dilakukan dalam sebarang bulan, tukang rumah akan mendapat bahaya seperti terjatuh ketika bertukang.<sup>15</sup>

## **MENENTUKAN HARI DAN WAKTU MEMBANGUN RUMAH**

Bagi masyarakat Melayu Brunei, penentuan hari untuk membangunkan rumah dilakukan dengan sebaik mungkin supaya majlis gotong-royong membangun rumah berkenaan dapat dihadiri oleh lebih ramai saudara-mara dan jiran sekampung terdekat. Ini kerana pembinaan sesebuah rumah di kampung air memerlukan tenaga kerja yang agak ramai terutama semasa kerja-kerja mendirikan tiang rumah dan memasang kerangka rumah. Sebagaimana yang dilakukan ketika mencari tapak dan menentukan bulan, usaha menentukan hari juga dirujuk dan dibincangkan bersama orang-orang tua dan saudara-mara yang berpengalaman dalam mendirikan rumah.

Menurut orang-orang tua di kampung air, kebiasaannya hari yang paling baik untuk mendirikan rumah adalah pada hari Khamis atau hari Ahad. Ini kerana berpandukan **Kitab Tajul Muluk** hari khamis adalah serasi dengan ukuran “lidah neraca” dan “ular citamani”. Manakala hari Ahad adalah serasi dengan ukuran “harimau” dan “singa”. Kebaikan mendirikan rumah pada hari Khamis dan Ahad mengikut ukuran-ukuran tersebut adalah seperti yang dijelaskan di bawah:

“.... Ketiga ukuran singa sempurna namanya maha kebijikan bertambah-tambah rahmat dan selamat diberi Allah Ta’ala. .... Ketujuh ukuran (harimau pahlawan) namanya alamat tuan empunya rumah itu ditakuti oleh orang sekalian dan adalah seterunya itu pun malu dan sopan jika jadi anak di dalam rumah itu alamat jadi hulubalang atau pendeta lagi diamankan Allah Ta’ala. .... Kesembilan ukuran (neraca timbangan) alamat maha sempurna kebijikan agama menjadi orang tuha daripada sama sekampung itu orang sekalian pun menurut katanya dan beroleh harta maha banyak dengan hamba sahaya itu sukacita Insya-Allah Ta’ala. Kesepuluh ukuran ular cintamani namanya terlalu baik utamanya bertambah-tambah kebijikan dan jenuh sekadak dan beroleh lagi kebesaran dankekayaan hamba sahaya sampailah seperti serapada orang tuha-tuha beroleh hamba tiada berbayar dan beroleh harta tiada dicari sekaliannya ada datang sendiri selamat sempurna sejuk dingin dipeliharkan Allah Ta’ala akan dia.”<sup>16</sup>

Mendirikan rumah sama ada pada hari Khamis atau Ahad bukan sahaja

mendatangkan kebaikan, malah turut dapat dihadiri lebih ramai lagi saudara-mara mereka termasuk yang tinggal di KABD. Bagi orang-orang Melayu Brunei kedatangan saudara-mara yang lebih ramai dapat meringankan lagi kerja bergotong-royong dan ia merupakan satu penghormatan yang menunjukkan seseorang itu masih diingati dan disenangi oleh sanak saudara mereka.<sup>17</sup>

Pemilihan waktu yang sesuai bagi memulakan kerja-kerja mendirikan rumah juga dirujuk dan dibincangkan dengan orang-orang tua dan saudara-mara yang berpengalaman. Tujuan menentukan kiraan waktu adalah supaya kerja-kerja membangun tiang rumah dapat dilakukan pada waktu yang paling sesuai iaitu bermula semasa air sungai surut dan selesai sebelum air sungai pasang sepenuhnya. Kesilapan memilih waktu yang sesuai akan menyebabkan kerja-kerja mendirikan tiang rumah tergendala kerana air pasang bersama lumpur akan menutupi lubang tiang dan ukuran kedalaman tiang yang sepatutnya ditanam tidak dapat dilakukan dengan tepat.

Menurut Alimin Abdul Hamid, orang-orang Melayu Brunei di kampung air menentukan waktu yang sesuai untuk membangun rumah adalah dengan menggunakan ‘kiraan saat’. Beliau menjelaskan:

*“.... Kiraan saat itu terbahagi dua iaitu kiraan saat bagi angka ganjil dan kiraan saat bagi angka genap. Dalam kiraan orang tua-tua, saat itu ada dua kali iaitu saat pertama dan saat kedua.*

*Dalam kiraan saat bagi setiap angka ganjil dalam haribulan Islam, saat pertamanya ialah pada jam 6.00 pagi dan saat keduanya pula pada jam 12.00 tengahari. Bagi setiap angka genap dalam haribulan Islam, saat pertamanya ialah pada jam 8.30 pagi dan saat keduanya pula pada 2.30 petang. Jika disaat pertama tidak sempat mendirikan tiang disebabkan keadaan air terlalu dalam, saat kedua pula diambil iaitu keadaan air sudah surut. Begitulah sebaliknya.”<sup>18</sup> -*

Selain menggunakan kiraan saat seperti mana di atas, orang-orang Melayu Brunei di kampung air memilih waktu yang lebih baik untuk mendirikan rumah adalah pada waktu selepas Subuh ketika air sungai telah surut sepenuhnya. Menurut penduduk kampung air, keadaan cuaca yang redup pada waktu selepas Subuh membolehkan kerja-kerja mendirikan tiang rumah dilakukan dengan tenang dan lancar, malah saudara-mara dan jiran tetangga yang hadir untuk bergotong-royong berada di dalam keadaan yang cukup bertenaga.

Perlu dijelaskan, saudara-mara dan jiran tetangga yang berdekatan akan dijemput untuk kerja bergotong-royong pada dua atau tiga hari sebelum aktiviti mendirikan rumah dijalankan.<sup>19</sup> Dalam hal ini, bakal tuan rumah atau wakilnya akan datang ke rumah saudara-mara atau jiran tetangga dan menjemput mereka secara lisan. Bagi masyarakat Melayu Brunei jemputan saudara-mara yang sedemikian memberi makna penghormatan yang besar dalam kehidupan

bermasyarakat.

*"Apabila ketetapan telah diambil ketua keluarga akan memohonkan atau memanggil jiran tetangga untuk meminta bantuan secara iklas [sis.J]. Ini dilakukan supaya jiran terdekat tidak merasa diri mereka disingkirkan atau tersinggung kerana diketepikan sedang mereka duduk berjiran. Sebagai penghormatan, bantuan mereka masih tetap diperlukan. Bagaimanapun sudah teradat hidup berjiran sekalipun tidak dipanggil atau tidak diminta jiran terdekat tetap akan datang membantu. Ini sudah menjadi resam hidup berkampung."*<sup>20</sup>

Petikan di atas menunjukkan, dalam tradisi membangun rumah di kalangan masyarakat Melayu Brunei konsep kejiranan itu sangat dipentingkan. Jiran memainkan peranan dalam banyak perkara antaranya termasuklah memberi keizinan, pandangan, nasihat dan bantuan tenaga.

## **GOTONG-ROYONG MEMBANGUN RUMAH**

Di kampung air, kerja-kerja membangun sebuah rumah baru dimulakan dengan upacara mendirikan tiang seri. Sebelum mendirikan tiang seri, secara tradisinya bahan-bahan yang terdiri daripada beras, garam kasar, asam aur-aur, lengkuas, bawang putih, bawang merah, kunyit, lada kering, lada hidup, ketapang, belacan, sedikit emas, serpihan kuali dan benang tujuh warna akan ditanam terlebih dahulu ke dalam lubang tiang seri tersebut.<sup>21</sup> Kerja menanam bahan-bahan ini dilakukan oleh bakal tuan rumah. Menurut kepercayaan orang-orang Melayu Brunei, bahan-bahan tersebut ditanam dengan tujuan untuk mengundang rezeki kepada keluarga yang bakal mendiami rumah baru berkenaan. Ia juga bertujuan untuk mengelakkan tuan rumah dan ahli keluarganya daripada diserang penyakit atau gangguan orang halus.

Adat dan kepercayaan orang-orang Melayu Brunei di atas turut dinyatakan oleh Alimin Abdul Hamid:

*"....menanam bahan tersebut adalah bagi memudahkan rezeki naik ke rumah, kerana rezeki yang ditanam itu ialah rezeki awal. .... Selain daripada itu ia juga bertujuan mengelakkan daripada menghadapi penyakit yang serius dan mengelakkan daripada gangguan orang halus. Menurut kepercayaan, orang halus tidak berani dekat dengan rumah yang ada menyimpan pecahan kuali, kerana pada anggapan orang halus itu bahawa penghuni dalam rumah itu orang yang kuat sehingga boleh memecahkan kuali."*<sup>22</sup>

Sebaik sahaja upacara adat menanam bahan-bahan di atas selesai, tiang

seri yang merupakan tiang utama akan diangkat secara bergotong-royong di kalangan ahli keluarga terdekat. Selain sebagai amalan “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing” upacara mendirikan tiang seri secara bergotong-royong adalah bertujuan untuk mengambil berkat daripada orang-orang tua yang sudah berpengalaman dalam menjalani kehidupan berumahtangga.<sup>23</sup>

Sebelum didirikan, bahagian hujung tiang seri tersebut dihalakan ke arah matahari terbit kemudian dibangunkan secara perlahan-lahan menuju ke arah matahari terbenam atau arah Kiblat. Ketika tiang seri didirikan secara perlahan-lahan, tuan rumah dan ahli keluarganya dikehendaki membaca selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w serta berdoa kepada Allah memohon supaya rumah tersebut diberkati. Selain itu, lubang tiang berkenaan hendaklah dielakkan daripada terkena bayang-bayang. Ini kerana menurut kepercayaan jika ia terjadi boleh menyebabkan ‘ketulahan’ atau hidup tidak selamat.<sup>24</sup>


Menurut kepercayaan orang-orang Melayu Brunei juga, menanam tiang seri tidak boleh terbalik dari segi pemilihan kepala dan hujung tiang. Bahagian yang akan ditanam adalah kepala tiang seri berkenaan. Ini kerana ia ditanam mengikut resmi sebatang pokok yang akan hidup mengeluarkan daun dan berbuah. Menanam tiang seri dengan cara yang betul sepertimana menanam sebatang pokok dipercayai memberikan rezeki yang banyak kepada keluarga tuan rumah.

Setelah tiang seri didirikan dan berada pada kedudukan yang stabil, bahagian permukaan hujung tiang seri tersebut dilapisi dengan kain tujuh warna. Sesudah itu, salah seorang haji, tok imam atau orang-orang tua yang berpengaruh akan membacakan selawat ke atas nabi dan diikuti dengan doa selamat untuk kesejahteraan tuan rumah. Selepas upacara membaca doa selamat selesai, orang ramai yang bergotong-royong akan berhenti rehat sambil menikmati juadah yang disediakan oleh tuan rumah.

Setelah gotong-royong mendirikan tiang pertama di atas selesai dilakukan, kerja-kerja mendirikan tiang kedua, ketiga dan keempat dibina sepuluh hari kemudian. Seterusnya tiang kelima dan keenam didirikan di ruang rumah yang dipanggil penyawahan (nyawa) rumah.<sup>25</sup> Pada waktu-waktu lapang didirikan pula tiang-tiang lain. Apabila tiang-tiang rumah telah didirikan tetapi kerja-kerja seterusnya belum dilakukan, kepala tiang lazimnya ditutup dengan tin kosong. Hal ini dilakukan untuk mengelakkan daripada terkena gerhana bulan atau matahari dan panahan petir yang boleh menyebabkan kerosakan pada bahagian kepala tiang berkenaan.<sup>26</sup>

Pada kebiasaannya sebuah rumah baru mempunyai sebanyak 16 hingga 20 batang tiang.<sup>27</sup> Setelah keseluruhan tiang rumah didirikan, kerja memasang kerangka rumah yang terdiri daripada *penyucuk, gelegar, bandul, tutup, tulang bubung, buaya-buaya, sampaian, suga-suga, kasau, dampar-dampar, papilis, jejanang pintu* dan *jejanang tingkap* dilakukan secara berperingkat-peringkat.<sup>28</sup> Kedudukan bahagian-bahagian kerangka rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei ditunjukkan dalam Gambar Rajah 1. Setelah kerangka rumah siap dipasang, kerja-kerja mengatap, melantai, mendinding, memasang daun pintu, memasang tingkap, membuat bahagian serambi, pantaran dan tangga juga dibuat secara berperingkat-peringkat. Perlu

**Gambar Rajah 1: Kedudukan Bahagian-bahagian Kerangka Rumah Tradisi Suku Kaum Melayu Brunei di Kampung Air**



Sumber: Disusun semula daripada Hj. Asri Hj. Putih dan Abdul Munap Hj. Jumahat, "Teknologi Melayu Brunei: Sambung Kayu Dalam Pembinaan Rumah dan Hubungannya Dengan Kepercayaan", dalam Berita, Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam, Bil. 66, Januari-Mac 2000, hal. 72.

dijelaskan, kerja-kerja gotong-royong mendirikan rumah di kalangan orang-orang Melayu Brunei di kampung air lazimnya dilakukan sehingga ke peringkat memasang atap rumah sahaja. Dari segi masa, kerja-kerja gotong-royong mendirikan tiang dan memasang kerangka rumah sekurang-kurangnya dilakukan dalam tempoh selama sebulan.

Rumah-rumah lama milik generasi tua yang berpegang teguh kepada petua-petua dan amalan-amalan tertentu dalam pembinaan rumah mengamalkan seratus peratus adat dan tradisi sebagaimana dijelaskan di atas. Bagaimanapun kebanyakan rumah baru yang didiami oleh generasi muda hanya mengamalkan sebahagian kecil sahaja. Oleh yang demikian, rumah-rumah lama di kampung air daerah Limbang yang dihuni oleh suku kaum Melayu Brunei mempunyai banyak persamaan dari segi ciri-ciri fizikalnya dengan rumah-rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei di KABD. Persamaan tersebut dapat dilihat melalui penggunaan bahan binaan, saiz rumah, rekabentuk dan senibinanya. Sebaliknya, rumah-rumah baru milik generasi muda mempunyai ciri-ciri fizikal yang banyak dipengaruhi oleh rumah moden.

## **PEMBINAAN RUMAH**

Pembinaan rumah orang-orang Melayu Brunei di kampung air dapat dibahagikan kepada tiga kategori. Pertama, rumah-rumah yang dibina secara berperingkat-peringkat. Kedua, rumah-rumah yang dibina secara sekaligus dan siap dalam tempoh satu-satu masa. Ketiga, rumah-rumah yang telah siap dibina semasa dibeli oleh tuan rumah tersebut. Pembinaan rumah dalam kategori yang pertama adalah yang paling banyak dilakukan oleh penduduk kampung air. Ini kerana penduduk akan membina rumah mengikut kemampuan masing-masing dari masa ke semasa.

Majoriti rumah di kampung air mengambil masa yang lama dari segi pembinaannya untuk siap sebagai sebuah rumah yang lengkap. Menurut Hj. Kassim Matali, sebuah rumah yang dibina secara berperingkat-peringkat akan mengambil masa di antara tiga hingga sepuluh tahun untuk menjadi sebuah rumah yang siap sepenuhnya.<sup>29</sup> Pembinaan sebuah rumah secara berperingkat-peringkat bermula dari bahagian rumah ibu yang terdiri daripada bahagian ruang tamu, bahagian dapur dan bilik tidur. Bahagian-bahagian lain seperti bilik tidur tambahan, bilik rehat, bilik stor, serambi dan pantaran dibina kemudian. Pembinaan bahagian-bahagian tersebut dilakukan satu demi satu mengikut keperluan dan kemampuan tuan rumah.

Pada kebiasaannya, penambahan bahagian-bahagian rumah atau ubahsuai dilakukan dengan tujuan sama ada untuk mengindahkan lagi rumah tersebut, menambah bilangan bilik atau membesarkan saiz rumah. Ubahsuai dilakukan terutama apabila anak tuan rumah telah berkahwin. Ini kerana dalam masyarakat Melayu Brunei, anak-anak yang telah berkahwin lazimnya akan tinggal dengan ibu-bapa terlebih dahulu selama beberapa tahun sehingga berkemampuan mendirikan rumah sendiri.<sup>30</sup>

Selain daripada itu, rumah diubahsuai kerana memerlukan ruang tamu dan

bilik tidur yang lebih luas sebagai persediaan tuan rumah sekiranya menerima kunjungan saudara-mara yang datang berziarah. Ini kerana, secara tradisinya orang-orang Melayu Brunei akan menginap di rumah saudara-mara mereka selama beberapa hari apabila datang berziarah.

Rumah-rumah yang dibina secara berperingkat-peringkat sebilangan besarnya dibina secara gotong-royong dan dibina sendiri oleh tuan rumah tersebut. Sebagaimana yang diterangkan sebelum ini, gotong-royong hanya dilakukan pada peringkat awal iaitu ketika mendirikan tiang rumah dan memasang kerangka rumah. Pembinaan seterusnya seperti memasang atap, melantai dan memasang dinding dilakukan oleh tuan rumah sendiri.

Terdapat juga rumah-rumah yang dibina dengan cara di atas, tetapi ia turut diupah atau dikontrakkan kepada tukang-tukang rumah yang mahir. Malah sebilangan tuan rumah terus mengupah atau memberi kontrak kepada tukang-tukang rumah sebaik sahaja tiang dan kerangka rumah siap dibina secara gotong-royong. Bagi tuan rumah yang ingin menjimatkan kos upah, mereka turut membantu tukang-tukang rumah ketika kerja-kerja pembinaan dilakukan. Hal ini menunjukkan, walaupun pada masa kini orang-orang Melayu Brunei di kampung air masih mengekalkan amalan bergotong-royong dan tolong-menolong dalam membina rumah, budaya upah telah mula dipraktikkan.

Hanya sebilangan kecil tuan rumah yang memberi upah atau kontrak kepada tukang-tukang rumah sepenuhnya dalam pembinaan rumah mereka. Rumah-rumah ini merupakan rumah yang dibina sekaligus iaitu siap dalam satu-satu masa. Kesemua rumah yang dibina sekaligus adalah rumah-rumah pasangan yang belum lama mendirikan rumah tangga. Pasangan yang baru berkahwin gemar membina rumah secara sekaligus apabila mempunyai modal yang cukup. Rumah yang dibina adalah bersaiz kecil iaitu secara purata berukuran 40 kaki panjang x 30 kaki lebar dan berharga antara RM20,000 hingga RM50,000.

Bagi pasangan yang baru berumahtangga membina rumah secara sekaligus dengan anggaran kos seperti di atas adalah dalam kemampuan mereka. Ini kerana, untuk membina sebuah rumah baru yang bersaiz besar sebagaimana rumah-rumah yang telah lama dibina memerlukan kos yang tinggi iaitu di antara RM50,000 hingga RM120,000 sebuah.

Sebahagian besar modal untuk membina rumah diperoleh melalui wang simpanan tuan rumah sendiri. Selain itu modal untuk membina rumah turut diperoleh melalui sumbangan dan bantuan ibu bapa, ibu bapa mentua dan adik-beradik. Perkara ini adalah lumrah di kalangan masyarakat Melayu Brunei iaitu kaum keluarga dan saudara-mara akan memberi bantuan sedikit sebanyak apabila tuan rumah hendak membina sebuah rumah baru. Ini sebagaimana yang dapat dilihat kepada komuniti Melayu Brunei yang tinggal di kampung air Kampung Seberang Kedai (KSK).<sup>31</sup>

Di KSK terdapat sebanyak 104 buah rumah yang setiap sebuah diketuai oleh seorang ketua keluarga. Daripada jumlah tersebut, didapati sebanyak 78.8% ketua keluarga telah mendapat sumbangan modal membina rumah daripada ibu bapa, 53.8% daripada ibu bapa mentua, 76.9% daripada saudara-mara di KSK dan 73.1%

daripada saudara-mara di KABD. Perangkaan tentang cara mendapatkan modal untuk membina rumah bagi ketua-ketua keluarga di KSK dapat dilihat dalam Jadual 1. Berdasarkan Jadual tersebut, hanya sebilangan kecil ketua keluarga yang mendapatkan modal membina rumah melalui pinjaman bank atau syarikat kewangan iaitu sebanyak 5.8%. Manakala peratusan yang sama juga dapat dilihat kepada ketua keluarga yang menerima bantuan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Walaupun pada masa kini pembinaan rumah-rumah masyarakat Melayu Brunei di kampung air telah diupah atau dikontrakkan kepada tukang-tukang rumah, kira-kira 95% daripadanya diberikan kepada tukang-tukang tempatan sahaja. Manakala selebihnya diberikan kepada tukang-tukang rumah dari KABD. Ini kerana bayaran upah kepada tukang-tukang tempatan lebih murah berbanding tukang-tukang dari KABD. Dalam pada itu, ramai yang berpendapat bahawa tukang-tukang tempatan mempunyai kebolehan yang setanding dengan tukang-tukang dari KABD. Selain itu, walaupun terdapat ramai saudara-mara mereka dari KABD yang datang membina rumah, secara umumnya adalah bertujuan untuk membantu bukannya mengambil upah.

Bayaran upah kepada tukang-tukang rumah secara umumnya dibuat secara beransur-ansur. Begitu juga bagi sebilangan kecil ketua keluarga yang mengupah tukang-tukang rumah dari KABD. Upah lazimnya dibayar dalam bentuk Ringgit Malaysia. Di kampung air, pembayaran upah kepada tukang-tukang rumah tidak dikira mengikut bilangan hari bekerja tetapi dikira secara kontrak bergantung kepada keluasan bahagian rumah yang dibina. Pada masa kini, upah bagi pembinaan sebuah rumah yang dikontrakkan sepenuhnya kepada tukang-tukang rumah adalah di antara RM5,000 hingga RM8,000.

Rumah-rumah yang siap dibina semasa dibeli oleh tuan rumah hanya melibatkan sebilangan kecil penduduk kampung air. Rumah-rumah tersebut sebenarnya dibeli daripada saudara-mara atau sahabat handai yang telah berpindah ke rumah lain di kampung air atau di daratan. Keadaan ini amat berbeza dengan penduduk di KABD di mana ramai daripada penduduk kampung air berkenaan telah membeli rumah di kawasan taman perumahan atas air yang disediakan oleh pihak kerajaan. Taman perumahan atas air diwujudkan sebagai satu usaha mewujudkan kawasan petempatan kampung air yang lebih indah dan terancang dari segi pembinaannya.<sup>32</sup>

## **MEMASANG PINTU, TINGKAP DAN TANGGA RUMAH**

Secara umum, rumah orang-orang Melayu Brunei di kampung-kampung air daerah Limbang menggunakan pintu daun yang diperbuat daripada papan. Pintu daun papan yang digunakan dapat dibahagikan kepada empat jenis iaitu pintu daun papan biasa, pintu daun papan berukir, pintu daun papan biasa dengan grill besi dan pintu daun papan berukir dengan grill besi. Bagi rumah-rumah yang lebih moden, pintu cermin *sliding door* dan pintu cermin *sliding door* dengan grill besi digunakan. Ini

**Jadual 1: Modal Untuk Membina Rumah**

Modal Untuk Membina Rumah	Jumlah	Peratus
SS, SSDB dan SSDL	11	10.6
SS, SIB, SIBM, SSDL dan SSDB	11	10.6
SS, SIB dan SIBM	10	9.6
SS, SIB, SIBM dan SSDB	8	7.7
SS dan SIB	7	6.7
SS, SIB, SIBM dan SSDL	7	6.7
SS, SIB dan SSDL	7	6.7
SS, SIBM dan SSDB	7	6.7
SS dan SIBM	6	5.9
SS, SIB dan SSDL	5	4.8
SS dan PPRT	5	4.8
SS, SIBM dan SSDL	4	3.8
SS dan SSDL	4	3.8
SS dan PB	4	3.8
SS	4	3.8
SS dan SSDL	3	3.0
TDRS	1	1.0
<b>Jumlah</b>	<b>104</b>	<b>100</b>

- SS = Simpanan Sendiri  
 SIB = Sumbangan Ibu Bapa  
 SIBM = Sumbangan Ibu Bapa Mentua  
 SSDL = Sumbangan Saudara-mara Di Limbang  
 SSDB = Sumbangan Saudara-mara Di Brunei  
 PB = Pinjam Bank/Syarikat Kewangan  
 PPRT = Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT)  
 TDRS = Tinggal Di Rumah Sewa

menunjukkan pengaruh rumah moden telah dapat dilihat pada rumah orang-orang Melayu Brunei di kampung air pada masa kini.

Perlu dijelaskan sebilangan besar pintu daun di atas adalah pintu daun kahwin. Bingkai pintu diperbuat daripada belut berukuran 2 inci tebal x 3 inci lebar. Saiz pintu secara purata berukuran 3 kaki lebar x 7 kaki tinggi. Daun pintu diperbuat daripada papan lidah yang disusun kemas secara menegak dan dipasang pada bingkai dengan menggunakan paku. Menurut kepercayaan orang-orang Melayu Brunei, semasa memaku daun pintu, paku tidak boleh diketuk terus dengan kuat. Paku hendaklah diketuk secara perlahan terlebih dahulu sebanyak tiga kali, kemudian barulah diketuk dengan kuat. Ini bertujuan supaya pintu yang dipasang benar-benar kuat dan mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku kepada tuan rumah dan ahli keluarganya, umpamanya rumah akan dimasuki pencuri.<sup>33</sup>

Dari segi tingkap rumah, pada masa kini rumah orang-orang Melayu Brunei di kampung air tidak lagi menggunakan tingkap yang dikenali sebagai ‘tabuk bertongkat’.<sup>34</sup> Kebanyakan rumah telah menggunakan jenis tingkap cermin nako. Terdapat pula rumah-rumah yang menggunakan dua jenis tingkap iaitu kombinasi tingkap cermin nako dan *sliding window*, kombinasi tingkap daun cermin dan tingkap cermin nako, dan kombinasi tingkap cermin nako dan tingkap daun papan. Hanya sebilangan kecil yang menggunakan tingkap jenis cermin *sliding window*, tingkap daun papan atau tingkap daun cermin. Ini menunjukkan, berbanding pintu rumah, tingkap rumah di kampung air lebih memperlihatkan pengaruh rumah-rumah moden seperti yang terdapat pada kebanyakan rumah di daratan.

Sebagaimana bingkai pintu, bingkai tingkap juga diperbuat daripada kayu belut berukuran 2 inci tebal x 3 inci lebar. Saiz bingkai tingkap secara purata 6 kaki lebar x 4 kaki tinggi. Oleh kerana kebanyakan rumah menggunakan tingkap cermin nako, bingkai tingkap ini dibahagikan kepada dua atau tiga bahagian. Setiap bahagian akan berukuran 2 kaki lebar x 4 kaki tinggi atau 3 kaki lebar x 4 kaki tinggi. Oleh kerana rumah telah menggunakan tingkap moden, tiada petua-petua atau pantang larang yang diperaktikkan semasa memasang tingkap tersebut. Semua tingkap rumah dihiasi dengan langsir-langsir pelbagai corak dan warna yang kebanyakannya memperlihatkan citarasa masyarakat moden.

Secara umum, rumah orang-orang Melayu Brunei di kampung air mempunyai tangga. Tangga dipasang pada bahagian serambi dan bahagian jeti. Pada bahagian jeti, tangga biasanya diperbuat daripada jenis kayu yang keras terutamanya kayu belian. Ini kerana sebahagian daripada tangga tersebut akan terendam di air.

Sementara itu, tangga bahagian di bahagian serambi diperbuat daripada jenis kayu yang lebih lembut biasanya kayu meranti atau kayu kapur.<sup>35</sup> Ini kerana ia akan ditebus lubang untuk menempatkan anak-anak tangga yang juga diperbuat daripada jenis kayu yang sama. Saiz belut biasanya 2 inci tebal x 4 inci lebar. Kebiasaannya jumlah anak tangga menggunakan angka yang ganjil seperti tiga dan lima. Anak-anak tangga akan dipasang dengan cara memasukkannya ke dalam lubang yang sudah ditebus pada kayu tangga.

Lubang di bahagian anak tangga yang paling atas dan yang paling bawah

adalah tembus bagi membolehkan hujung anak tangga tersebut terkeluar. Pada hujung anak tangga yang terkeluar itu dipasang pasak supaya tangga tidak terbuka dan bergerak.<sup>36</sup> Pada masa kini teknik penggunaan pasak pada tangga rumah terdapat pada sebilangan kecil rumah sahaja. Ini kerana teknik pemasangan anak tangga pada kayu tangga telah menggunakan paku besi.

Tangga di bahagian jeti menggunakan kayu beluti bersaiz 2 inci tebal x 3 inci lebar. Oleh kerana tangga tersebut menggunakan kayu keras, anak-anak tangga dipasang pada kayu tangga dengan menggunakan teknik tanggam lekap. Tanggam tersebut dipaku untuk memastikan setiap bahagian tanggam tidak tercabut. Biasanya tangga di bahagian jeti mempunyai bilangan anak tangga sebanyak lima hingga tujuh anak tangga.

Mengikut petua orang-orang Melayu Brunei, pada bahagian kepala tangga baru yang sedia digunakan hendaklah dipakaikan ‘kopiah’ yang diperbuat daripada daun nipah. ‘Kopiah’ tersebut dipakaikan selama dua atau tiga hari.<sup>37</sup> Petua ini bertujuan supaya tangga yang baru dipasang selamat ketika digunakan iaitu ia tidak menyebabkan berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini seperti tergelincir atau terjatuh ketika menaiki tangga tersebut.

## **ADAT BERPINDAH KE RUMAH BARU**

Sebaik sahaja rumah baru siap dibina dan sedia untuk dihuni, perkara pertama yang harus dilakukan adalah memilih hari dan masa yang sesuai untuk mengadakan upacara berpindah ke rumah baru tersebut. Orang-orang Melayu Brunei di kampung air secara tradisinya akan memilih hari Jumaat sebagai hari yang paling sesuai untuk berpindah rumah. Ini kerana dalam kalender Islam, hari Jumaat adalah penghulu segala hari dan upacara berpindah rumah pada hari tersebut adalah dianggap lebih berkat (barakah).

Berpindah ke rumah baru biasanya dilakukan oleh tuan rumah dan ahli keluarganya pada waktu petang. Ini kerana pada waktu pagi mereka melakukan pekerjaan masing-masing terlebih dahulu. Semasa berpindah rumah, tuan rumah dan ahli keluarganya akan dibantu oleh saudara-mara terdekat memindahkan barang-barang kepunyaan mereka dari tempat tinggal mereka yang lama ke rumah baru. Perlu dijelaskan, memindahkan barang ke rumah baru telah dilakukan sedikit demi sedikit sebelum hari perpindahan yang sebenarnya.

Pada waktu sebelah malam, dengan dibantu oleh saudara-mara terdekat tuan rumah akan mengadakan majlis kenduri doa selamat atau majlis berzikir di rumah baru tersebut. Majlis kenduri dilakukan bukan sahaja bertujuan untuk mendapatkan keberkatan dan menyatakan kesyukuran kerana mendapat rumah baru, tetapi juga untuk menghormati saudara-mara dan jiran sekampung dengan menjemput mereka ke majlis kenduri yang diadakan.

Seperti kebanyakan masyarakat Islam di Malaysia, majlis kenduri dijalankan selepas menunaikan solat Maghrib atau Isya. Sebelum majlis kenduri bermula, tuan rumah akan membuat persiapan untuk menyambut tetamu yang hadir. Lantai rumah

akan dilapiskan dengan tikar atau permaidani pelbagai corak dan warna. Begitu juga dengan langsir rumah, ia akan dipasangkan dengan yang baru. Perkara yang sama turut dilakukan pada sofa, alas meja, alas televisyen dan lain-lain.

Tujuan berbuat demikian adalah bagi menghormati orang-orang yang hadir untuk berzikir, membaca doa dan menjamu makanan yang dihidangkan. Hidangan yang biasa disajikan kepada tetamu yang hadir terdiri daripada nasi putih dengan lauk daging masak gulai, tahai goreng sambal<sup>38</sup>, sambal udang dan sayur campur. Selain itu, kuih-muih turut disajikan antaranya termasuklah kuih cincin, kuih koya, penyeram dan madu kesitat. Hidangan yang disajikan tersebut sebenarnya adalah makanan tradisi kegemaran orang-orang Melayu Brunei.

Selain itu, tuan rumah yang baru berpindah mestilah tidur di rumah barunya selama tiga hari berturut-turut. Menurut kepercayaan orang-orang Melayu Brunei, perkara ini dilakukan dengan tujuan untuk menghindarkan rumah daripada dimasuki hantu atau syaitan. Selain itu, ia juga bertujuan menghindarkan tuan rumah daripada ditimpa kesusahan sebaik sahaja tinggal di rumah baru tersebut. Bagi saudara-mara yang menginap di rumah baru berkenaan untuk kali pertama mereka juga perlu berbuat demikian. Jika tidak, tuan rumah dan ahli keluarganya juga akan mendapat kesusahan.<sup>39</sup>

Adat dan kepercayaan orang-orang Melayu Brunei di kampung air dalam hal berpindah rumah di atas turut dijelaskan oleh Alimin Abdul Hamid:

*"Dalam masyarakat Melayu biasanya sebelum mendiami atau berpindah ke rumah baru akan diadakan majlis dikir dan doa selamat serta jamuan dengan menjemput saudara-mara, sahabat-handai dan jiran sekampung. Dalam hubungan ini bagi mereka yang meniduri rumah yang baru dipindahi hendaklah mencukupkan selama tiga hari berturut-turut."*<sup>40</sup>

Mengikut adat orang-orang Melayu Brunei, saudara-mara yang hadir ke majlis kenduri di rumah orang yang baru berpindah secara tradisi membawa buah tangan yang berbentuk wang ringgit. Hal ini adalah seperti yang dinyatakan oleh Ismail Ibrahim:

*".... Setelah tiba waktu yang ditetapkan, sanak-saudara atau sahabat-handai akan berkunjung ke rumah tersebut serta membawa buah tangan yang berupa wang untuk diberikan kepada tuan punya sebagai sagu hati."*<sup>41</sup>

Sumbangan wang ringgit tersebut bertujuan untuk meringankan beban saudara-mara yang baru sahaja membina rumah dan menjalani kehidupan berkeluarga sendiri. Ini menunjukkan budaya kesepakatan dan tolong-menolong di kalangan masyarakat Melayu Brunei yang tinggal di kampung air masih kuat diamalkan

hingga ke hari ini.

## KESIMPULAN

Berdasarkan penjelasan di atas, masyarakat Melayu Brunei di Limbang, Sarawak yang menghuni petempatan kampung-kampung air masa kini masih mengekalkan adat dan kepercayaan dalam membangun rumah. Adat dan kepercayaan jelas dapat dilihat bermula daripada kerja mencari tapak rumah sehingga tuan rumah berpindah ke rumah baru. Adat dan kepercayaan yang diamalkan tersebut sebenarnya adalah mirip kepada adat dan kepercayaan masyarakat Melayu Brunei yang tinggal di KABD.

Ketika seseorang itu mencari tapak rumah dan menentukan hari serta waktu yang sesuai untuk mendirikan rumah, khidmat nasihat orang-orang tua dan saudara-mara yang berpengalaman sangat dipentingkan. Dengan demikian banyak perkara-perkara yang berkaitan dengan tradisi membina rumah masih lagi dilakukan sehingga ke masa kini. Selain itu, ia turut memelihara hubungan di antara generasi muda dan generasi tua yang tinggal di kampung air.

Budaya kesepakatan juga jelas kelihatan dalam tradisi membangun rumah masyarakat Melayu Brunei di kampung air. Ini terbukti apabila saudara-mara dan jiran sekampung sering menghulurkan bantuan tenaga dalam upacara mendirikan tiang dan kerangka rumah. Budaya kesepakatan ini turut ditunjukkan dalam majlis kenduri-kendara ketika saudara-mara hendak berpindah ke rumah baru. Malah dalam hal ini, saudara-mara dan sahabat-handai yang datang turut menyumbangkan wang ringgit kepada tuan rumah baru.

Satu perkara yang jelas, tradisi membangun rumah di kampung-kampung air daerah Limbang ada persamaannya dengan tradisi membangun rumah masyarakat Melayu Brunei di KABD. Persamaan ini berlaku kerana penduduk di kedua petempatan kampung air di atas sebenarnya mempunyai hubungan persaudaraan. Mereka saling bantu-membantu dalam banyak perkara termasuklah membangun rumah. Perkara ini bukan sahaja memberi kebaikan kepada penduduk di kedua kampung air tersebut, malah secara tidak langsung mengakrabkan lagi hubungan sosial di antara masyarakat yang tinggal di kawasan sempadan Malaysia dengan Negara Brunei Darussalam.

## NOTAHUJUNG

1 Temubual dengan Hj. Ahmad Jamaluddin. Beliau berusia 77 tahun dan merupakan ‘orang lama’ di kampung air Kampung Seberang Kedai. Bapa beliau adalah salah seorang daripada penduduk awal yang mendiami kampung air tersebut. Sebelum tahun 1990, beliau bekerja sebagai tukang rumah secara sepenuh masa. Pada masa kini beliau telah bersara. Temubual diadakan di rumah beliau pada 09 April 2001, jam 10.30 pagi.

2 Ibid.

3 Sila lihat Ismail Ibrahim, "Senibina Rumah Melayu Brunei: Satu Tinjauan Ringkas", dalam Abdul Latif Ibrahim (ed.), **Kampong Ayer: Warisan, Cabaran dan Masa Depan (Kumpulan Esei Yang Pernah Diterbitkan 1970-1996)**, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam, 1996, hal. 102.

4 Temubual dengan Hj. Kassim Matali. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai peniaga sayur-sayuran di Pasar Tamu Limbang. Beliau juga merupakan seorang tukang rumah secara sambilan di kampung air tersebut. Temubual diadakan di rumah beliau pada 04 April 2001, jam 11.30 pagi.

5 Aisah Sahdan, "Komuniti Melayu di Kampung Burong Pingai Air: Kajian Sosioekonomi", Tesis Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1983/84, hal. 28-29.

6 Temubual dengan Hj. Bongsu Mat Salleh. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai nelayan sepenuh masa. Beliau juga membuat kerja sambilan bertukang rumah di kampung air tersebut. Temubual diadakan di rumah beliau pada 01 Mac 2000, jam 5.30 petang.

7 Ismail Ibrahim, Op. Cit., hal. 102.

8 Maklumat diperoleh melalui temubual dengan Tuan Hj. Ibrahim bin Kadir. Beliau adalah Ketua Kampung Seberang Kedai, daerah Limbang. Temubual diadakan di rumah beliau pada 20 April 2001, jam 5.00 petang.

9 Untuk mengetahui tujuh peraturan yang telah ditetapkan dalam Pekeliling No.5/1982 Pejabat Daerah Brunei Muara, sila lihat Syed Hashim Abdullah Alhabshi, "The Traditional Economic Activities in Kampong Air Brunei", Graduate Exercise, Department of Geography, National University of Singapore, 1983/1984, hal. 57.

10 Aisah Sahdan, Op. Cit., hal. 28-31.

11 Sila lihat Alimin Abdul Hamid, "Tradisi Membangun Rumah: Khususnya Rumah Tradisional di Kampong Ayer", dalam Abdul Latif Ibrahim (ed.), Op. Cit., hal. 111.

12 Maklumat diperoleh melalui temubual dengan beberapa penduduk kampung air di daerah Limbang. Antaranya Haji Matsri Basar dari Kampung Bukit Kota, Haji Mail Salleh dari Kampung Pemukat, Haji Unting bin Pasang dari Kampung Baru Berawan, Pengiran Kudah bin Pengiran Tangah dari Kampung Bukit Kota dan Hj. Mat Jais bin Hitam dari Kampung Seberang Kedai.

13 Sila lihat **Kitab Tajul Muluk**, al-Harmain, Jedah, hal. 69. (Tiada nama penulis dan tahun diterbitkan)

14 Ismail Ibrahim, Op. Cit., hal. 102.

15 Alimin Abdul Hamid, Op. Cit., hal. 111.

- 16 Sila lihat Abdul Rahman Al-Ahmadi, **Petua Membina Rumah Melayu: Dari Sudut Etnis Antropologi**, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 2000, hal. 22.
- 17 Temubual dengan Hj. Ibrahim Kadir, Op. Cit.
- 18 Alimin Abdul Hamid, Op. Cit., hal. 111.
- 19 Ibid.
- 20 Aisah Sahdan, Op. Cit., hal. 37.
- 21 Temubual dengan Hj. Ibrahim Kadir, Op. Cit. Untuk keterangan lebih lanjut sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Petempatan Kampung Air di Pulau Borneo: Satu Kajian Perbandingan", Laporan Penyelidikan, Akademik Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam, November 1998, hal. 114. Lihat juga Alimin Abdul Hamid, Op. Cit., hal. 111-112.
- 22 Alimin Abdul Hamid, Op. Cit., hal. 112.
- 23 Ismail Ibrahim, Op. Cit., hal. 103.
- 24 Alimin Abdul Hamid, Op. Cit., hal. 112.
- 25 Penjelasan lebih lanjut tentang petua membina rumah orang-orang Melayu Brunei sila lihat Abdul Rahman Al-Ahmadi, **Op. Cit.**, hal. 194.
- 26 Alimin Abdul Hamid, Op. Cit., hal. 113.
- 27 Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang tiang-tiang rumah di kampung air, sila lihat Amaluddin Bakeri, "Hubungan Petempatan Kampung Air Sarawak dengan Negara Brunei Darussalam: Kajian Kes di Kampung Seberang Kedai, Limbang", Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002, hal. 167-168.
- 28 Penjelasan lanjut tentang bahagian-bahagian kerangka rumah orang-orang Melayu Brunei sila lihat Ismail Ibrahim, Op. Cit., hal. 103-106.
- 29 Temubual dengan Hj. Kassim Matali, Op. Cit.
- 30 Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Petempatan Kampung Air Di Pulau Borneo: Satu Kajian Perbandingan", Laporan Penyelidikan, Akademik Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam, November 1998, hal. 115.
- 31 Kampung Seberang Kedai adalah sebuah kampung air yang terbesar di daerah Limbang. Pada tahun 2001, Kampung Seberang Kedai mempunyai bilangan rumah sebanyak 104 buah yang dihuni oleh seramai 1020 orang penduduk. Penjelasan lanjut sila lihat Amaluddin Bakeri, Op. Cit., hal. 76-114.
- 32 Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Strategi Pembangunan dan Pola Perubahan

Penempatan Kampung Air di Pulau Borneo” dalam **Beriga**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam, Julai-September 2000, hal. 52.

- 33 Temubual dengan Hj. Bongsu Mat Salleh, Op. Cit.
- 34 Untuk penjelasan lanjut tentang ‘tabuk bertongkat’ sila lihat, Alimin Abdul Hamid, Op. Cit., hal. 115. Lihat juga Ismail Ibrahim, Op. Cit., hal. 106.
- 35 Untuk mengetahui jenis-jenis kayu yang biasa digunakan untuk membina rumah sila lihat Hamidon Abdul Ralim, **Asas Pembinaan Rumah**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1988, hal. 13-14.
- 36 Maklumat lanjut tentang pemasangan tangga rumah orang-orang Melayu Brunei di kampung air sila lihat Alimin Abdul Hamid, Op. Cit., hal. 115-116.
- 37 Ibid., hal. 116.
- 38 Tahai adalah ikan tamban yang dipanggang di atas bara api atau dijemur di bawah panas matahari sehingga kering dan rapuh. Tahai merupakan salah satu daripada makanan tradisi orang-orang Brunei. Ia biasanya disediakan sebagai tahai goreng sambal atau dimasak asam rebus.
- 39 Ismail Ibrahim, Op. Cit., hal. 107.
- 40 Alimin Abdul Hamid, Op. Cit., hal. 116.
- 41 Ismail Ibrahim, Op. Cit., hal. 104.